

## 22 pelajar YSF lawat FBSB UPM

SERDANG, 12 Jan - Seramai 22 orang pelajar dan dua orang guru dari Yokohama Science Frontier (YSF) Jepun, telah membuat aktiviti penyelidikan di Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB) UPM, baru-baru ini.

Pensyarah Kanan FBSB UPM, Dr. Ahmad Muhaimin Roslan berkata selama dua hari delegasi YSF di UPM pelbagai aktiviti bermanfaat telah dilakukan seperti lawatan ke kilang sawit Seri Bandar Palm Oil Mill Sdn Bhd.

 May be an image of 9 people, hospital and text

"Pada hari kedua, pelajar telah mengikuti Program Pemindahan Ilmu (KTP) berkaitan nanocellulose yang telah disampaikan oleh Prof. Ts. Dr. Hidayah Ariffin.

"Sepanjang program ini, terdapat juga penglibatan daripada pelajar dan staf FBSB, yang seterusnya dijemput untuk membentangkan hasil kajian mereka di YSF-Forum for International Research in Science and Technology," katanya.

 May be an image of 7 people and tree

Jalanan kerjasama baik antara UPM dan YSF Jepun ini telah mula terjalin selepas Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani pada 17 Mac tahun lalu.

 May be an image of 4 people and hospital

Kunjungan delegasi YSF ini secara tidak langsung menyokong Pelan Strategik UPM 2021-2025 matlamat 1, melahirkan watak graduan berdaya tahan mendepani cabaran mendatang.- UPM